

Dalam melaksanakan dasar - Dr. Mahathir **Malaysia** bersahabat **bukan** hanya dengan **negara2 kuat**



K-15

SUHAIMI MOKHTAR

Melapor dari
CARACAS

P

O-T

ST. LUCIA 2 Dis. — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir berkata bahawa Malaysia melaksanakan dasar untuk bersahabat dengan negara-negara bukasemata-mata hanya dengan negara-negara yang kuat.

Beliau menambah, kerana itulah beliau menerima jemputan untuk melawat St. Lucia dan ia dilakukan selepas persidangan kemuncak K-15 di Caracas, membuka peluang keemasan untuk menyempurnakan jemputan tersebut.

Bagaimanapun, Dato' Sri Dr. Mahathir menyatakan ia tidaklah pula bererti beliau tidak berusaha untuk menunaikan jemputan kerajaan St. Lucia "kerana persahabatan saya dengan Perdana Menteri John Compton menjadi persahabatan **dua negara**."

Dato' Sri Dr. Mahathir menyatakan demikian dalam ucapannya di majlis makan tengah hari di sebuah hotel di sini hari ini yang diberikan oleh Persatuan Peniaga-Peniaga Kecil dan Industri St. Lucia dan pihak swasta yang lain.

Menurut Perdana Menteri, walaupun Malaysia dan St. Lucia dipisahkan oleh lautan pasifik, tetapi hubungan kedua negara tetap rapat, lebih-lebih lagi Malaysia kini meningkatkan hubungan selatan-selatan.

Kedua negara mempunyai persamaan yang banyak di samping mempunyai kestabilan politik yang menjadi punca dan sumber kemajuan yang dicapai, tambahnya.

Perdana Menteri berharap lawatannya akan menghasilkan peningkatan perdagangan dua-hala dan komunikasi di samping kedua pihak dapat belajar antara satu dengan lain kerana setelah mengenalinya maka barulah masing-masing dapat menghargainya antara satu dengan lain.

Dato' Sri Dr. Mahathir memberitahu, majlis itu yang dihadiri oleh ahli-ahli perniagaan dan usahawan St. Lucia dan beberapa orang ahli-ahli perniagaan Malaysia mengenai kes kejayaan yang dicapai oleh Malaysia.

Peralihan teknologi di Malaysia melalui modal asing yang membuka syarikat mereka mulai berlaku kerana kesabaran Malaysia dan kini Malaysia menjadi negara pengeluar barangan, tambahnya.

Perdana Menteri St. Lucia, John Compton dalam ucapannya di majlis itu menyebut tiga perkara yang menjadi sumber kejayaan Malaysia yang kini mencul sebagai negara membangun baru.

Katanya, sumber itu ialah, kestabilan politik; kepimpinan yang baik dan kerja kuat, yang perlu dicontohi oleh St. Lucia.

Menurutnya, St. Lucia dapat belajar dari pengalaman Malaysia bukan sahaja muncul sebagai negara membangun baru di samping inisiatif Malaysia memainkan peranan dalam pertumbuhan serantau di Asia Tenggara.

Dato' Sri Dr. Mahathir sebelumnya mengadakan perbincangan dua-hala dengan rakan sejawatnya dan kemudian melawat pembangunan Marina Rodney Bay. Di sebelah petang Perdana Menteri melawat pusat penyelidikan Winban di Roseau.

Isteri Perdana Menteri, Datin Sri Dr. Siti Hasmah mempunyai aturcara yang berasingan termasuklah lawatan ke rumah kanak-kanak cacat. Datin Sri Dr. Siti Hasmah menyampaikan sumbangan sejumlah \$5,000 Amerika Syarikat untuk kegiatan rumah kanak-kanak tersebut.